

Media Title

: Kosmo
Headline : Wanita warga emas rugi RM131,500 ditipu polis menyamar
Date : 12 February 2025
Section : Negara!
Page : 16



Wanita warga emas rugi RM131,500 ditipu polis menyamar

KUANTAN – Kerana takut ditanah pihak ‘polis’ seorang wanita warga emas mengalami kerugian sebanyak RM131,500 selepas terperdaya dengan penipuan dalam talian.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Yahaya Othman berkata, kejadian bermula apabila mangsa yang berumur 61 tahun menerima panggilan telefon daripada suspek yang memperkenalkan diri sebagai staf sebuah syarikat.

“Suspek memaklumkan mangsa terlibat dengan kes kecurian elektrik dan kegiatan wang haram sebelum suspek menyambungkan panggilan tersebut ke Ibu Pejabat polis Kontinjen (IPK) Kuantan.

“Mangsa telah bercakap dengan individu menyamar sebagai pegawai polis berpangkat Inspektor dan mangsa menafikan tuduhan sebelum suspek meminta mangsa untuk membuat laporan polis,” katanya di sini semalam.

Menurut Yahaya, suspek juga meminta mangsa membuat pindahan wang ke akaun diberikan dan mangsa membuat pindahan wang sebanyak 26 kali transaksi berjumlah RM131,500.

Tambahnya, suspek juga telah menghantar surat waran tangkap dan laporan juruaudit bank negara berkenaan wang yang telah diambil.

“Pada 21 Januari lalu mangsa telah dihubungi oleh individu

tidak dikenali sekali lagi dan meminta mangsa untuk memasukkan wang tetapi mangsa berasa telah ditipu,” katanya.

Sementara itu beliau berkata, orang ramai dinasihatkan sekiranya ada menerima panggilan yang meragukan untuk segera membuat semakan dengan pihak polis atau agensi kerajaan berkenaan bagi mengelakkan dari menjadi mangsa penipuan.

“Masyarakat juga diingatkan supaya membuat semakan nombor akaun dan nombor telefon yang diterima di pautan <https://semakmule.rmp.gov.my> terlebih dahulu sebelum membuat sebarang transaksi kepada orang tidak dikenali,” ujarnya.